

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 26 Januari 2016 16:50
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA MERISIK KHBAR



26 JANUARI 2016 / 16 RABIULAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA MERISIK KHBAR



ANJUNG TAMU ONLINE: Apabila mendengar Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), semua orang akan mula menyemak pengurusan kewangan masing-masing. Apa yang pasti, LHDNM bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara kerajaan dengan LHDNM.

Namun, berlainan pula objektif tiga pegawai yang mewakili pihak pengurusan LHDNM yang tiba di Welcome Centre baru-baru ini. Delegasi membawa mandat bagi membincangkan program yang boleh diusahasama sempena Discover UUM 2016.

Penolong Pengarah yang mengetuai delegasi ibu pejabat LHDNM di Cyberjaya, Yusnita Mohd Farid berkata, lokasi UUM telah berjaya menarik perhatian pihak Pengurusan LHDNM untuk menganjurkan program bersama dan secara tidak langsung bagi memperkenalkan UUM kepada semua ketua-ketua jabatan dan pegawai LHDN seluruh Malaysia.

Ekoran itu, perbincangan awal yang diselaraskan oleh Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Mohd. Fairus Abdul Majid bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif Welcome Centre telah mengenal pasti pengisian program dengan kerjasama UUM antaranya forum, dewan, jamuan, peserta, *booth* percukaian LHDNM, aktiviti

riadah, lawatan dan sebagainya. Malah, forum ini akan melibatkan pelajar dan staf UUM serta pegawai tertinggi LHDNM.

Terdahulu delegasi LHDNM telah diberi taklimat umum tentang UUM oleh Welcome Centre sebelum hasrat mereka untuk melaksanakan program yang dirancang terhasil.

“Tempat ini menarik dan cantik, pelbagai kemudahan terdapat di Welcome Centre, sambutan yang ramah mesra diterima”, kata Penolong Pegawai Eksekutif, Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Pengurusan Insan LHDNM, Rosilawati Omar.

Sementara itu, pegawai LHDNM Mohammad. Ramzif Razali berkata, gantikan promosi yang lebih meluas ke luar UUM sebab masih ramai yang belum melawat ke sini.

Sejurus selepas perbincangan delegasi telah dibawa melawat ke Pusat Konvensyen, Pusat Islam, Taman Rusa, Padang Golf, Go-Kart, Pusat Ekuin , EDC Hotel & Residence. Ini merupakan pra-lawatan pihak LHDNM bagi meninjau fasiliti yang disediakan di UUM.

Hadir sama, Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Wahe Anuar Mansor, Penolong Pengarah JHEP, Faridah Awang serta staf Welcome Centre.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

